



Pelantikan hakim wanita pecah dominasi lelaki dalam organisasi mahkamah syariah

Usaha kerajaan mantapkan martabat pentadbiran kehakiman daripada anggapan berat sebelah

KETIKA menandatangani Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita 1979 pada 1995, Malaysia tidak mengguna pakai beberapa artikel dalam konvensyen itu termasuk persetujuan melantik wanita bagi jawatan dalam perkhidmatan awam sama seperti lelaki.

Ini berikutan pernyataan itu dikatakan bertentangan dengan prinsip syariah, iaitu wanita tidak boleh dilantik sebagai hakim syarie, imam dan mufti.

Walaupun tidak dipersetujui sepenuhnya, tetapi mengambil kira pandangan beberapa pihak dan keperluan semasa wanita mentadbir urus kehakiman syariah, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-73 yang bersidang pada 4 hingga 6 April 2006, memutuskan wanita dibenarkan dilantik sebagai hakim syarie dengan syarat tidak mengendalikannya kes berkafat hudud dan qisas.

Umum mengetahui kes dibicarakan di Mahkamah Syariah hanya membabitkan kesalahan takzir dan mal saja. Sebagai permulaan, pelantikan hakim syarie wanita sudah tentu tidak sepadan dengan dominasi gender dalam organisasi kehakiman syariah.

Tetapi, penambahbaikan yang dibuktikan dengan adanya wanita dalam jawatan itu tentu mencetuskan senario baru sedikit masa lagi. Meskipun boleh dilantik, tidak ramai wanita yang layak disebabkan sya-



PELANTIKAN hakim syarie wanita dapat merubah pandangan bahawa Mahkamah Syariah kurang sensitif dalam memberi keadilan kepada wanita.

rat lain tidak memungkinkan ia menjadi realiti.

Contohnya, Majlis Fatwa Kebangsaan pada 2006 memutuskan wanita boleh dilantik sebagai hakim syarie, hanya 30 peratus daripada 200 kakitangan perkhidmatan itu adalah wanita. Pembabitan wanita dalam perkhidmatan sebagai pegawai syarie hanya bermula sekitar 1994.

Sebahagian besar daripada mereka baru saja berkhidmat, sedangkan syarat dilantik ialah mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang, selain mempunyai pengalaman kerjaya selama 10 hing-

ga 15 tahun sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rendah.

Walaupun terlambat berbanding negara lain seperti Mesir, Sudan, Maghribi, Palestin, Pakistan, Brunei dan Indonesia, pelantikan wanita sebagai hakim syarie adalah usaha mengotakan janji kerajaan bahawa wanita negara ini tidak di diskriminasi dalam perkhidmatan awam jika mempunyai kelayakan untuk memegang portfolio itu.

Ia usaha yang boleh memantapkan martabat pentadbiran kehakiman syariah yang selama ini dipandang 'berat sebelah' dan ber-

sifat patriarki, berikutan dikatakan kurang sensitif dalam memberi keadilan kepada wanita dan tidak mengikut ketetapan agama.

Pandangan yang meletakkan perbezaan gender sebagai kayu penguukur dalam menilai keupayaan dan kemampuan seseorang wajar diketepikan kerana ia akan membantutkan kemajuan sebuah negara.

Pelantikan ini bukan memberi keistimewaan kepada wanita, tetapi sedikit sebanyak membuka ruang lebih luas untuk mengenalpasti punca dan sebab wanita 'alah' terhadap sistem kehakiman syariah

di negara ini.

Mungkin ia berlaku tanpa disedari, maka sistem dan prosedur dalam kehakiman syariah sedikit sebanyak membuatkan wanita gerun untuk berurusan, tambahan pula sifat pentadbiran undang-undang sedia ada tidak mesra wanita.

Perlu difahami, jawatan hakim syarie wanita tidak bermakna wanita diberi kelebihan dalam penghakiman. Ia tidak menunjukkan banyak kes diadili sebelum ini tidak memihak kepada wanita disebabkan alasan penghakiman tidak munasabah diputuskan hakim lelaki.

Dengan perkembangan dan kemajuan ilmu dan teknologi, pembuktian dalam kesalahan jenayah, transformasi perlu dilakukan bagi memberi keadilan kepada setiap individu, tanpa membezakan jantina.

Usaha itu tidak akan kesampaian tanpa sensitiviti terhadap keperluan perlindungan undang-undang yang hanya mampu dilihat secara bersama oleh hakim lelaki dan wanita.

Paling utama ialah hakim yang dilantik mampu memberi tafsiran sebelum memutuskan sesuatu penghakiman berdasarkan nas dan dalil secara adil tanpa memberatkan mana-mana pihak atau bersifat berdasarkan jantina seperti undang-undang Barat.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom